

Penggunaan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Kaitkan-Luaskan-Cabar bagi Kemahiran Interaksi Lisan

Irmawati Mascom

irmawati_mascom@moe.edu.sg

Nurul Aisyah Rosli


nurul_aisyah_rosli@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Tanglin

Abstrak

Menjadikan pemikiran jelas menjadi objektif utama dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan penggunaan rutin berfikir dalam membina kemahiran interaksi lisan. Pemerhatian awal yang dilakukan mendapati kurangnya budaya berfikir dalam kalangan pelajar terutama sekali semasa menjalankan perbincangan di dalam kelas. Pelajar juga kurang berupaya untuk berfikir secara berstruktur dalam pengajaran lisan setelah menonton video sebagai bahan rangsangan pembelajaran. Oleh itu, pelajar memerlukan satu teknik atau rutin berfikir untuk membantu mereka menjana idea dan memikirkan informasi penting dan idea-idea mengenai video yang dilihat mereka. Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Kaitkan-Luaskan-Cabar telah digunakan dalam pembelajaran lisan untuk membantu pelajar berfikir secara berstruktur dan tersusun setelah menonton klip video sebagai bahan rangsangan bagi pengajaran interaksi lisan. Dua kumpulan pelajar Menengah 3 telah terdedah kepada rutin tersebut. Dapatan kajian amat menggalakkan walaupun masih ada beberapa faktor yang perlu dikaji lagi.

Kata Kunci: Rutin berfikir, Lihat-Fikir-Tanya, Kaitkan-Luaskan-Cabar, bertutur, idea



PENGENALAN

Sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah antara lain menegaskan ketrampilan berbahasa pelajar di samping mempunyai kesedaran moral yang tinggi dan kemahiran dalam abad ke-21. Pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka memperoleh pengetahuan teknologi maklumat, berkomunikasi dengan berkesan, berfikir secara kritis dan kreatif dan mempunyai daya penghasilan yang tinggi. Matlamat ini dijelaskan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu 2010.


Selaras dengan matlamat tersebut, dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa, pelajar perlu dilatih agar mempunyai keupayaan untuk menjana idea, mendapatkan dan memproses maklumat serta berkomunikasi dengan cekap untuk berkongsi pengetahuan. Hal ini akan dapat dicapai dengan menyediakan peluang untuk para pelajar memainkan peranan yang aktif dalam pembelajaran dan menyediakan strategi pembelajaran agar pelajar dapat membina kemahiran abad ke-21 tersebut.

Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tanglin telah mengaplikasikan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk menggalakkan para pelajar berfikir secara kritis dan kreatif dalam pembelajaran. Para pelajar telah menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) dan Kaitkan-Luaskan-Cabar (KLC) dalam pembelajaran yang berfokus pada kemahiran bertutur. Rutin berfikir ini dapat menggalakkan pelajar berfikir secara tersusun dalam menjana idea setelah menonton klip videosebagai bahan rangsangan bagi membina keupayaan interaksi lisan.

PERNYATAAN MASALAH

Perkataan 'fikir' merupakan satu perkataan yang sering digunakan oleh para guru dan para pelajar. Sering kali pelajar diminta berfikir mengenai sesuatu perkara atau topik. Apakah yang guru harapkan apabila meminta pelajar fikirkan sesuatu perkara atau topik? Adakah pelajar tahu proses berfikir yang dimaksudkan untuk menjana idea-idea yang diharapkan guru? Jurang antara harapan guru dan persepsi pelajar ini perlu diberikan perhatian.

Natijahnya, para pelajar perlu dibimbing dalam proses berfikir agar mereka tahu dan boleh berfikir dengan aktif serta dapat memproses maklumat yang



difikirkan agar dapat disampaikan dengan berkesan. Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Tanglin masih menghadapi cabaran ini dalam membina kemahiran interaksi lisan dalam kalangan pelajar. Para pelajar menghadapi kesukaran berfikir dengan kritis semasa menjana idea mengenai sesuatu topik. Ramai pelajar juga kurang mampu berfikir secara sendiri atau hanya dapat memikirkan idea-idea ringkas yang kurang kritis. Terdapat pelajar yang juga tidak mampu mengaitkan perkara yang mereka lihat dengan pengalaman yang dilalui mereka sendiri tanpa rangsangan daripada guru. Oleh itu, guru-guru harus menyediakan soalan-soalan rangsangan dan perlu aktif menggunakan teknik penyoalan agar pelajar dapat memberikan respons dalam perbincangan.

Para pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran berfikir untuk menyampaikan idea dengan jelas. Pelajar perlu menggunakan teknik atau strategi berfikir yang dapat membimbing pelajar dalam proses berfikir dan menjana idea dalam pengajaran interaksi lisan. Strategi yang dipilih juga dapat membimbing pelajar berfikir secara bertahap dan berupaya menggalakkan pelajar belajar secara sendiri. Dengan demikian, para pelajar lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan lisan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan rutin berfikir LFT dan KLC bagi kemahiran interaksi lisan, terutama bagi peningkatan isi kandungan dalam respons pelajar berasaskan bahan video sebagai stimulus bagi kemahiran interaksi lisan. Kajian ini juga ingin melihat keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam menggalakkan pembelajaran sendiri.

KAJIAN LEPAS

Rutin berfikir merupakan teras Menjadikan Kemahiran Jelas (*Making Thinking Visible* - MTV) satu inisiatif kumpulan *Project Zero* yang dipelopori Ron Ritchhart, ahli sarjana dari *Harvard Graduate School of Education*. Dalam kajian yang dijalankan, para pengkaji MTV telah mencipta rutin berfikir sebagai alat dan mangkin serta pembina budaya berfikir bagi pembelajaran dalam bilik darjah.

Secara dasarnya, MTV menyusun proses berfikir menggunakan rutin-rutin berfikir untuk memandu proses pemikiran pelajar dan juga menggalakkan pelajar memproses informasi secara aktif (Ritchhart, 2011). Rutin berfikir merupakan alat



yang menyusun langkah-langkah yang pendek dan strategi yang mudah bagi para pelajar gunakan untuk memikirkan sesuatu perkara atau topik dengan mendalam. Strategi ini jika selalu digunakan akan menjadi satu rutin atau amalan yang boleh menyokong sikap berfikir pelajar dan budaya berfikir dalam bilik darjah.

Sememangnya, proses berfikir merupakan satu susunan kegiatan yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Seseorang yang berfikir secara efektif akan menjadikan pemikiran mereka jelas dan dapat menyampaikan perkara yang difikirkan melalui cara bertutur, menulis, melukis atau cara yang lain (Ritchhart, 2008). Apabila pemikiran ini telah menjadi jelas, mereka dapat meluaskan dan mensintesis lagi perkara-perkara yang difikirkan dengan mudah. Oleh itu, MTV juga menekankan dokumentasi agar dapat mengumpul bukti perkara-perkara yang difikirkan. Proses ini menjadikan pemikiran jelas dan nyata.


Menurut Ron Ritchhart juga, rutin berfikir menggalakkan perbincangan antara para pelajar dan antara guru dan pelajar. Oleh itu, guru perlu memberikan masa untuk pelajar berfikir, memproses idea sebelum menyampaikan idea tersebut. Dalam perbincangan juga, guru perlu mahir bertanyakan soalan-soalan agar pelajar dapat menjelaskan idea yang dimaksudkan dan juga pelajar perlu diberi ruang untuk bertanya soalan. Soalan-soalan pelajar berfungsi sebagai stimulus untuk siasatan lanjut (Ritchhart, 2011).

Kajian yang dijalankan oleh Ron Ritchhart dan kumpulan pengkaji beliau dalam *Project Zero* telah menunjukkan keberkesanan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Rutin-rutin berfikir yang digunakan dalam bilik darjah mampu menggalakkan para pelajar berfikir dengan lebih aktif dan menyampaikan idea-idea mereka dengan jelas.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Woodgrove juga melaporkan dapatan yang menggalakkan. Dapatan kajian tersebut melaporkan pelajar semakin yakin menyuarakan pendapat dan menanyakan soalan yang beraras tinggi (Farrah, 2015). Dengan cara ini, guru dapat membuat penilaian tentang pemahaman dan andaian pelajar dengan lebih tepat sebelum melanjutkan pengajaran pada tahap yang seterusnya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tindakan yang mengumpulkan data secara kuantitatif



dan kualitatif. Rutin berfikir yang dipilih untuk kajian ini ialah LFT dan KLC. Guru-guru di Sekolah Menengah Tanglin telah mengambil langkah untuk mengamalkan kaedah mengajar yang baharu sebagai usaha bersepadu sebuah unit. Malah, pendekatan ini juga telah dilaksanakan oleh semua jabatan di Sekolah Menengah Tanglin.

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan dua kumpulan pelajar Menengah 3 Ekspres. Kumpulan pertama merupakan pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres seramai 14 orang yang hanya terdedah kepada rutin berfikir LFT. Kumpulan kedua pula merupakan pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres seramai 13 orang yang terdedah kepada rutin berfikir KLC.

Instrumen Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuasi-eksperimental yang melaporkan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif akan dikumpulkan melalui analisis markah hasil daripada ujian lisan yang dijalankan oleh guru. Data kualitatif akan dianalisis berdasarkan respons pelajar dalam borang tinjauan pascapelajaran dan juga pengamatan guru sewaktu proses pembelajaran dalam bilik darjah.

Prosedur Kajian

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bertahap yang disesuaikan mengikut langkah-langkah penyoalan dalam setiap rutin berfikir. Langkah-langkah yang dimaksudkan merupakan soalan-soalan untuk memandu pelajar berfikir dengan mendalam. Guru-guru juga telah menggunakan soalan-soalan sampingan semasa perbincangan kelas bagi menggalakkan pelajar menghuraikan idea-idea yang mereka kongsi agar mereka dapat memikirkan lagi perkara yang sudah difikirkan dengan kritis.

Sebanyak empat sesi pengajaran dijalankan. Prosedur pengajaran yang dijalankan seperti berikut.

1. Guru menjalankan praujian yang merupakan latihan lisan berdasarkan klip video sebagai stimulus. Guru meneliti cara berfikir



pelajar dan juga isi-isi berdasarkan stimulus klip video yang diberi.

2. Guru menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan rutin berfikir. Guru menjelaskan objektif pengajaran, pembelajaran seterusnya, langkah-langkah rutin berfikir dan juga kajian yang akan dijalankan.
3. Guru membimbing pelajar menggunakan rutin berfikir dalam pengajaran, langkah demi langkah berserta perbincangan kelas dalam setiap langkah. Proses ini mengambil dua masa pelajaran.

Langkah 1: Proses berfikir secara sendiri

- Pelajar meneliti klip video sebanyak tiga kali.
- Pelajar memikirkan perkara-perkara mengikut langkah LFT/ KLC. Pelajar mencatat buah fikiran mereka di lembaran kerja LFT/ KLC.

Jadual 1: Lihat-Fikir-Tanya (LFT)


Saya lihat...	Saya fikir...	Saya tanya...
Apakah yang kamu lihat dalam video itu?	Apakah yang kamu fikirkan setelah menonton video itu?	Apakah perkara yang kamu tertanya-tanya?

Jadual 2: Kaitkan-Luaskan-Cabar (KLC)

Kaitkan	Luaskan	Cabar
Apakah yang kamu tahu mengenai perkara ini?	Apakah perkara baharu yang kamu fikirkan mengenai isu itu?	Apakah yang masih mencabar bagi kamu? Apakah perkara lain yang ingin kamu ketahui?

Langkah 2: Proses menjadikan pemikiran jelas - berpasangan atau kumpulan

- Pelajar berkongsi idea awal dengan rakan-rakan.
- Pelajar boleh menambah perkara-perkara lain yang difikirkan




semasa perkongsian ini. Pelajar juga boleh menambah idea-idea rakan dalam lembaran kerja mereka.

Langkah 3: Proses menjadikan pemikiran jelas – perbincangan sekelas bersama guru

- Guru menggalakkan pelajar mengutarakan idea-idea mereka.
 - Setiap kumpulan atau pasangan digalakkan bertutur.
 - Guru mencatat idea mereka di papan tulis.
 - Proses ini dijalankan bertahap bagi setiap langkah LFT/KLC agar pelajar boleh menjadikan pemikiran mereka jelas kepada seluruh kelas bagi setiap langkah.
 - Guru juga akan bertanya soalan-soalan sampingan seperti berikut: 'Apakah yang menyebabkan awak berkata begitu?' Soalan-soalan sampingan boleh ditanyakan guru terutama bagi bahagian Fikir dalam LFT dan juga Luaskan dalam KLC. Dengan mendapatkan kewajaran respons mereka.
 - Guru akan membimbing pelajar menghuraikan idea mereka dan juga menggalakkan mereka berfikir secara kritis.
 - Pelajar memberi respons dan mencatat idea-idea sekelas dalam lembaran kerja mereka sendiri.
4. Pelajar merakam penyampaian lisan berdasarkan topik lisan dan soalan-soalan lisan yang berkaitan dengan video tersebut.
 5. Guru menjalankan pascaujian. Pelajar menonton klip video dan mengulangi langkah-langkah rutin berfikir secara sendiri serta merakam penyampaian lisan tanpa bimbingan guru.
 6. Guru menjalankan tinjauan pasca pelajaran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara kuantitatif adalah seperti rajah berikut.



Jadual 3: Markah Purata Ujian Lisan Pelajar


Kumpulan Pelajar	Markah Purata Praujian	Markah Purata Pascaujian	Perbezaan Markah
Kumpulan 1 (LFT)	24.8	26.3	1.5
Kumpulan 2(KLC)	22.9	24.7	1.8

Merujuk pada dapatan praujian dan pascaujian, jelas dilihat bahawa terdapat peningkatan markah bagi kedua-dua kumpulan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran intervensi yang melibatkan penggunaan rutin berfikir LFT dan KLC menunjukkan kesan yang positif. Rutin berfikir mampu membantu para pelajar berfikir dengan cara yang lebih berstruktur setelah menonton video sebagai stimulus dalam perbualan lisan. Dapatan ini juga menunjukkan keberkesanan rutin berfikir kerana mereka dapat berfikir dengan lebih mendalam bagi membantu pelajar menjana lebih banyak isi dalam interaksi lisan.

Walaupun peningkatan markah purata tidak begitu tinggi, namun dengan hanya menjalankan satu pusingan pengajaran menggunakan rutin berfikir, para pelajar dapat menggarap langkah-langkah rutin berfikir untuk membantu mereka memikirkan isi-isi bagi interaksi lisan.

Jadual 4: Contoh Hasil Kerja Pelajar Menggunakan Rutin Berfikir KLC

Kaitkan	Luaskan	Cabar
Topik yang berkaitan dengan riadah bersama keluarga	Aktiviti riadah boleh merapatkan hubungan dengan ahli keluarga	Kita dapat menghilangkan tekanan dengan bekerja
Topik riadah seperti bermain sepatu roda dan berbasikal di taman	Kita dapat mengamalkan gaya hidup sihat bersama ahli keluarga	Kita boleh mengamalkan pemakanan yang sihat



Topik berkaitan dengan melakukan aktiviti bersama keluarga di taman	Kita dapat menghilangkan tekanan yang dihadapi dengan berlari-lari anak	Kurangkan menaiki kenderaan dan lebih banyak berjalan bagi menjaga kesihatan
---	---	--

Dapatan pascatinjauan pengajaran juga turut mencerminkan dapatan kuantitatif tersebut. Rajah seterusnya menunjukkan respons pelajar setelah pengajaran dilakukan.

Jadual 5: Dapatan Tinjauan – Kumpulan 1

Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya memahami rutin berfikir LFT dengan baik	9.1%	75.8%	15.2%	0
Saya boleh menggunakan rutin berfikir LFT untuk memikirkan kandungan video.	6.1%	69.7%	24.2%	0
Rutin berfikir LFT membantu saya berfikir dengan lebih tersusun dan jelas.	6.1%	69.7%	21.2%	3.0%
Saya bertutur dengan yakin semasa perbincangan dengan rakan-rakan.	72.7%	24.2%	0	0
Saya lebih yakin bertutur semasa merakamkan perbualan saya .	9.1%	39.4%	48.5%	12.1%

Jadual 6: Dapatan Tinjauan – Kumpulan 2


Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya memahami rutin berfikir KLC dengan baik	15.4%	84.6%	0%	0%



Saya boleh menggunakan rutin berfikir KLC untuk memikirkan kandungan video.	15.4%	84.6%	0%	0%
Rutin berfikir KLC membantu saya berfikir dengan lebih tersusun dan jelas.	15.4%	84.6%	0%	0%
Saya bertutur dengan yakin semasa perbincangan dengan rakan-rakan.	23.1%	76.9%	0%	0%
Saya lebih yakin bertutur semasa merakamkan perbualan saya .	15.4%	69.2%	15.4%	0%

Dapatan daripada tinjauan yang dijalankan selepas pengajaran intervensi menunjukkan persepsi pelajar yang positif terhadap pembelajaran menggunakan rutin berfikir. Dapatan ini menegaskan lagi dapatan daripada ujian lisan iaitu, para pelajar dapat menggunakan rutin berfikir untuk memikirkan idea-idea mengenai video. Namun begitu, daripada data kumpulan 1, masih ada pelajar yang kurang yakin bertutur semasa merakam perbualan lisan. Boleh disimpulkan bahawa terdapat pelajar yang kurang senang berbual atau berbincang dengan melibatkan proses rakaman dan kurang yakin menggunakan rutin ini secara sendiri. Pengkaji perlu meneliti cara ujian lisan dijalankan dan mengkaji semula proses pembelajaran secara sendiri.

Guru-guru yang mengajar memberikan maklum balas yang positif iaitu, rutin berfikir membenarkan para pelajar diberi suara dalam kelas. Perkara ini dapat dilihat kerana proses menjadikan pemikiran jelas memerlukan pelajar berkongsi idea yang difikirkan mereka kepada rakan-rakan dan proses ini membolehkan pelajar melihat pemikiran mereka lalu dapat mendalami lagi metakognitif pemikiran awal mereka. Satu lagi perkara yang dilihat ialah para pelajar aktif melibatkan diri dalam kelas. Langkah-langkah rutin berfikir amat mudah diikuti pelajar dan rutin tersebut membantu pelajar berfikir secara tersusun. Oleh itu, pelajar tahu tindakan yang perlu diambil setelah menonton video. Guru-guru juga dapat menilai kelakonan pelajar secara formatif kerana guru dapat melihat idea-idea pelajar dengan jelas lalu dapat memberikan maklum balas dengan cepat pada masa pengajaran itu juga. Guru juga dapat membimbing pelajar dan menggalakkan pelajar berfikir dengan lebih mendalam lagi melalui soalan-soalan yang diajukan.



KESIMPULAN

Dapatan kajian amat menggalakkan selaras dengan dapatan yang dilaporkan oleh Ritchhart (2008) yang menyatakan bahawa rutin berfikir menggalakkan pelajar mengutarakan pemikiran mereka secara aktif dan tersusun. Namun, terdapat juga pelajar yang masih belum dapat menggunakan hasil pemikiran mereka semasa bertutur setelah terdedah kepada rutin berfikir. Oleh itu, lebih banyak usaha perlu dilakukan agar pelajar ini mengalihkan idea-idea mereka dalam perbualan mereka.

Guru juga perlu berperanan sebagai fasilitator semasa proses PdP. Guru perlu sabar dan memberi masa kepada pelajar untuk berfikir dan mengutarakan pemikiran mereka. Guru perlu mendorong pelajar mengutarakan pemikiran mereka dalam keadaan bilik darjah yang selamat. Suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang sesuai juga penting agar pelajar berasa lebih tenang dan selamat menyatakan pemikiran mereka. Cara guru menilai dan memberikan respons kepada pemikiran pelajar juga penting agar pelajar dapat rasakan bahawa pemikiran mereka dihargai.


Kesimpulannya, dapatan kajian amat menggalakkan dan guru perlu menjadikan rutin berfikir ini satu kebiasaan di dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru perlu menjadikannya satu budaya berfikir pada setiap pelajaran agar pelajar akan terbiasa bagi memudahkan pelajar menggunakan rutin berfikir ini dengan lebih berkesan lagi.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Wahidah Salamon
2. Aidashikin Solikin
3. Nur Rafizah Safiee
4. Nurdayana Mohd Noor

RUJUKAN

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.



Ritchhart R., Perkins D. (2008). Making thinking visible. *Jurnal Educational Leadership*. 65, 55-61.

Farrah Mohamed Ghazali (2015). Rutin berfikir: Pencetus intelek, pembuka minda dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperelok Budi, Memperindah Bahasa, hlm. 417-429. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Perkins D., Ritchhart R., Trishman S., (2016). Dipetik dari lelamam: <http://www.pz.harvard.edu/projects/visible-thinking>Project Zero

